



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

UiTM *di hatiku*

MAY 2024

INFO 83rd ISSUE

KAMPUS

UiTM Sarawak Bulletin



The 2nd International Conference
On Innovative Sciences &
Technologies For Research &
Education (Innostre)

ReQaseni Art Exhibition
17th Edition: ENIGMA

Lawatan rasmi:
Profesor Datuk Teknologis
(Ts.) Dr. Hajah Roziah Mohd Janor




Building Bridges Through International
Mobility: A Joint Program between
UiTM & Mulawarman University
Indonesia

Mesyuarat Dapatan Audit Program Hs110 Diploma Kejururawatan UiTM Cawangan Sarawak oleh Penilai Luar

Disediakan oleh:

Frannelya Francis, Dorothy Kulai, Lau Li Li, Squiter Macroy, Bodis Francis dan Lyidia Dahlia



Pada 19 Disember 2022 lalu, Mesyuarat Dapatan Audit Program HS110 Diploma Kejururawatan telah diadakan bersama penilai luar dari Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) iaitu Dr. Rekaya Vincent Balang. Mesyuarat ini merupakan salah satu komponen penting dalam persediaan semakan kurikulum. Setelah selesai mesyuarat tersebut, pemurnian silibus baru dapat diteruskan. Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Dr. Rekaya atas segala komen dan teguran membina dalam usaha membantu pihak UiTM (Diploma Kejururawatan) untuk membuat

penambahbaikan demi memastikan kejayaan dan kredibiliti Program Diploma Kejururawatan di UiTM Cawangan Sarawak. Mesyuarat ini juga telah diadakan secara dalam talian melalui platform Cisco Webex dan dihadiri oleh Ketua Pusat Pengajian Kejururawatan dari Puncak Alam, Dr. Siti Khuzaimah dan rakan-rakan pensyarah dari Kampus Bertam. Turut hadir ke mesyuarat ini secara bersemuka di Bilik Mesyuarat Utama, Kampus Samarahan ialah lima orang pensyarah kejururawatan serta wakil dari JHEK AQA di UiTM Cawangan Sarawak, Dr. Nur Royhaila Mohamad. Semua staf program Diploma Kejururawatan ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan Mesyuarat Dapatan Audit Program HS110 Diploma Kejururawatan, UiTM Cawangan Sarawak. Tahniah HS110!